

UNIT 14: TOLERANSI

TOLERANSI SESAMA WARGASEKOLAH

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

senyap

berkongsi

bergilir-gilir

hati terbuka

menghormati

menerima

berunding

- 1 Jessie dan Chew Meng menggunakan komputer di perpustakaan secara _____.
- 2 Ketua kelas, Tamarai _____ pendapat yang dikemukakan oleh murid-murid.
- 3 Amira menerima teguran guru dengan _____.
- 4 Raju _____ alat tulisnya dengan Mustapha kerana Mustapha terlupa bawa kotak penselnya.
- 5 Osman _____ perasaan rakan sekelasnya dengan bersabar.
- 6 Yoke Chin _____ dengan Harun agar mendapat persefahaman.
- 7 Kelas-kelas yang lain _____ apabila kelas 3 Melur sedang menjalankan peperiksaan.

Tulis kebaikan bersikap toleransi berdasarkan gambar.



Menjaga perasaan semua

Menyelesaikan masalah

Mengelakkan pergaduhan

Memupuk perpaduan

Bulatkan jawapan yang betul.

- 1 Tahlia lewat ke kantin. Dia...
A memotong barisan untuk membeli makanan.
B beratur untuk membeli makanan.
- 2 Prakesh diberi tugas membersihkan longkang. Dia...
A melaksanakan tugasnya dengan baik.
B merungut dan mengadu kepada cikgu.
- 3 Saritha dan rakan-rakannya berbincang di dalam perpustakaan. Mereka...
A bertengkar dan bercakap dengan suara yang kuat.
B menggunakan nada suara yang rendah dan lembut.
- 4 Murid-murid beragama Islam sedang berpuasa. Kai Yin...
A makan dan minum di tempat yang lain.
B makan dan minum di hadapan mereka.
- 5 Penjaja kantin sedang sibuk. Siva...
A membawa pinggan dan mangkuk ke besen selepas habis makan.
B menunggu penjaja kantin membersihkan meja makan.

Tuliskan perasaan 'gembira' atau 'marah' berdasarkan gambar.



Pilih jawapan yang betul



- (a) Berkawan dengan semua murid.
- (b) Berkawan dengan murid yang sama kaum sahaja.

☐
☐

- (a) Menggunakan kata-kata yang kasar semasa bercakap.
- (b) Menggunakan kata-kata yang sopan semasa bercakap.

☐
☐

- (a) Menerima teguran guru besar dengan hati terbuka.
- (b) Mengingkari kata-kata guru besar dengan biadab.

☐
☐

- (a) Memahami tanggungjawab masing-masing dan saling bekerjasama.
- (b) Sengaja mencari pasal dan menyalahguna kuasa.

☐
☐